

Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Cerita Animasi 1 – Semut Dengan Merpati

Tajuk Cerita	Semut dengan Merpati
Jangka Masa	1-2 Waktu
Fokus Interaksi Lisan	Berbual dan berbincang
Aspek Bahasa	Kata Nama, Kata Kerja, Ayat Tunggal

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none">Memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahuMenonton cerita animasi 'Semut dengan Merpati'Berbual tentang cerita yang ditonton menggunakan kad kosa kataBerbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guruMelengkapkan alat penilaian. <p>Aktiviti Lanjutan</p> <p>Guru boleh mengadakan peraduan bercerita secara interaktif dan memuatnaikkan klip video ke SLS.</p>	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none">Komputer diperlukan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran.Pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan di makmal komputer, bilik darjah yang mempunyai kemudahan ICT.Pembelajaran juga boleh dilakukan oleh murid secara sendiri, bersama rakan atau ibu bapa di rumah.Aktiviti permulaan boleh dijalankan untuk merangsang minat murid supaya lebih bersedia untuk mengikuti pembelajaranDalam aktiviti berbual tentang cerita yang ditonton, golongan kata nama, kata kerja dan ayat tunggal diberikan penekanan.Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas. <p>Soalan Saranan (permulaan)</p> <ol style="list-style-type: none">Pernah kamu membaca cerita tentang binatang?Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain.Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebutApakah yang menarik tentang watak haiwan yang kamu baca itu?

Soalan Saranan tentang Cerita 'Semut dengan Merpati'

1. Apakah yang dilakukan oleh Semut sebelum dia terjatuh ke dalam sungai
2. Siapakah yang telah menyelamatkan semut? Bagaimana? Jelaskan.
3. Nyatakan bagaimana Semut telah membantu Merpati.
4. Apakah yang dilakukan oleh Semut untuk menyelamatkan dirinya?
5. Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Semut dengan Merpati'?

Bahan

Kad Imbasan

Alat Penilaian (Guru dan Murid)

KAD IMBASAN

Cerita Animasi 1: Semut dengan Merpati

KATA KERJA

terjatuh

terdengar

menolong

menembak

menggigit

KAD IMBAŞAN

Cerita Animasi 1: Semut dengan Merpati

KATA NAMA

semut

sungai

merpati

pemburu

daun

dahan

ALAT PENILAIAN

Cerita Animasi 1: Semut dengan Merpati




Penilaian Kendiri - Membaca

Nama: _____ ()

Tarikh: _____

Kelas: _____

Tandakan [√]

Saya dapat...	Sangat Baik 	Baik 	Lemah 
1. membaca dengan lancar.			
2. menyebut perkataan dengan betul.			
3. menggunakan intonasi yang betul.			
4. menggunakan sebutan baku.			




Penilaian Guru - Membaca

Nama: _____ ()

Tarikh: _____

Kelas: _____

Tandakan [√]

Murid saya dapat...	Sangat Baik 	Baik 	Lemah 
1. membaca dengan lancar.			
2. menyebut perkataan dengan betul.			
3. menggunakan intonasi yang betul.			
4. menggunakan sebutan baku.			

Catatan Guru:



Cerita Animasi 1: Semut dengan Merpati

Penilaian Kendiri - Berbincang

Nama: _____ ()

Tarikh: _____ Kelas: _____

Tandakan [√]



No	Semasa berbincang, saya dapat ...	Ya 	Tidak 
1	menyatakan pendapat.		
2	menyokong pendapat rakan.		
3	menyatakan sama ada saya setuju/ tidak bersetuju dengan sopan.		
4	menunggu giliran semasa berbincang.		
5	menggunakan sebutan baku.		

Penilaian Guru - Berbincang

Nama: _____ ()

Tarikh: _____ Kelas: _____

Tandakan [√]

No	Semasa berbincang, murid dapat...	Ya 	Tidak 
1	menyatakan pendapat sendiri.		
2	menyokong pendapat rakan.		
3	menyatakan sama ada saya setuju/ tidak bersetuju dengan sopan.		
4	menunggu giliran semasa berbincang.		
5	menggunakan sebutan baku.		

Catatan Guru:

4 SKRIP CERITA ANIMASI

Pengenalan

Bahagian 3 ini mengandungi sepuluh skrip cerita animasi yang terkandung dalam pakej Membaca Secara Interaktif. Skrip ini disediakan agar guru dapat memanfaatkan skrip ini bagi tujuan pembelajaran. Skrip cerita animasi ini boleh juga digunakan untuk pelbagai aktiviti pembelajaran yang lain termasuklah sebagai teks kefahaman membaca dan aktiviti lakonan atau main peranan.

CERITA ANIMASI 1: SEMUT DENGAN MERPATI

Tajuk	Semut dengan Merpati
Peringkat	P1B
Sinopsis	Kisah ini menceritakan tentang seekor merpati menyelamatkan seekor semut daripada mati lemas. Semut pula menyelamatkan Merpati setelah cuba ditembak oleh seorang pemburu. Semut dan Merpati saling bekerjasama.
Watak	Burung Merpati, Semut, Pemburu dan Pencerita
Nilai	Tolong-menolong

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Pada suatu hari, seekor semut sedang berjalan-jalan di tepi sungai. Tiba-tiba semut terjatuh ke dalam sungai. Semut pun menjerit-jerit meminta tolong.
2	Semut	Tolong! Tolong! Tolong!
3	Pencerita	Seekor burung Merpati terdengar jeritan semut. Burung Merpati itu kasihan melihat semut yang hampir tenggelam.
4	Merpati	Eh, kasihan sungguh semut ini. Baik aku menolongnya.
5	Pencerita	Burung Merpati terbang ke arah sungai. Burung Merpati mahu menolong semut.
6	Merpati	Semut! Semut! Aku akan mencampakkan sehelai daun. Kau cepatlah naik ke atas daun!
7	Semut	Ya ... ya... tolonglah aku!
8	Pencerita	Burung Merpati mencampakkan sehelai daun ke dalam sungai. Semut naik ke atas daun. Daun itu hanyut ke tepi sungai. Semut pun terselamat.

9	Semut	Nasib baik ada Merpati. Jika tidak, aku mesti mati tenggelam.
10	Semut	Terima kasih Merpati, kerana menolong aku.
11	Merpati	Sama-sama.
12	Pencerita	Pada suatu hari, ada seorang pemburu di hutan. Pemburu itu ternampak burung Merpati sedang berehat di atas dahan. Dia mahu menembak burung Merpati. Semut ternampak pemburu itu.
13	Semut	Aku mesti menolong Merpati. Bagaimana aku boleh menolong burung Merpati?
14	Pencerita	Semut mendapat satu idea. Semut menggigit kaki pemburu. Pemburu terkejut kesakitan. Dia menembak ke udara. Burung Merpati terkejut lalu terbang menyelamatkan diri.
15	Merpati	Terima kasih Semut kerana telah menyelamatkan aku.
16	Semut	Sama-sama, Merpati. Kita mesti tolong-menolong.
17	Pencerita	Begitulah cerita Semut dengan Merpati. Kita harus saling tolong-menolong. Jika kita suka menolong orang lain, orang lain juga akan menolong kita.

